

14/01/1999

Bersedia jalani tugas baru

TUGAS BARU ... Timbalan Menteri Kewangan yang baru, Datuk Mohamad Nazri Aziz mengemas barang-barang di pejabatnya di Kementerian Kewangan, semalam.

Beliau mengambil alih tugas itu daripada Datuk Dr Affifuddin Omar yang bertukar ke Kementerian Sumber Manusia mulai Isnin lalu berikutan rombakan Kabinet diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya perasaannya berpindah ke Kementerian Kewangan, Nazri berkata, sekarang adalah masa untuk bekerja kerana negara perlu berusaha keras untuk keluar daripada kegawatan ekonomi.

(END)